



**LAPORAN KENAMPAKAN HILAL RAMADHAN 1425 HIJRI
PADA 29 SYA'BAN 1425/14 OKTOBER 2004**

1- Pada 14 Oktober 2004 bersamaan 29 Sya'ban 1425 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan bagi menetapkan Awal Puasa di 3 lokasi cerapan di Negeri Selangor iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2- Berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi cerapan hilal di Negeri Selangor pada hari rukyah iaitu 29 Sya'ban 1425 Hijri bersamaan 14 Oktober 2004 Miladi, anak bulan telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

(a) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

(b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam



Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.

- 3- Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku melibatkan situasi hilal iaitu:-
- (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtima' masih belum berlaku.
 - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.
 - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.
 - (d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.
- 4- Ketika hari rukyah pada 14 Oktober 2004, dengan merujuk kepada situasi di atas, perkara 3 (d) adalah berkaitan iaitu hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.

